

B B504 BAH

MAHATHIR - TANDING

JITRA, 1 MEI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA BELIAU SEDIA BERTANDING DI MANA-MANA KAWASAN YANG DITENTUKAN OLEH PARTI PADA PILIHAN RAYA AKAN DATANG.

KATANYA, YANG PENTING SETIAP ANGGOTA PARTI HARUS BEKERJA KUAT BAGI MENJAMIN KEMENANGAN CALON-CALON DAN MENGENEPIKAN APA JUA MASALAH DAN PERBEZAAN PENDAPAT.

PERPADUAN PARTI PENTING BAGI MENCAPAI KEMENANGAN, KATANYA PADA UCAPAN PENANGGUHAN PADA PERSIDANGAN PERWAKILAN KE-24 UMNO BAHAGIAN KUBANG PASU, DI SEKOLAH MENENGAH SULTAN ABDUL HALIM DEKAT SINI HARI INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENGESALI FITNAH PAS YANG MENDAKWA KONONNYA BEBERAPA ORANG PENGIKUT PAS DIPAKSA BERCAKAP MELALUI TV BARU-BARU INI.

SEBELUM ITU MENTERI BESAR DATUK PADUKA HAJI OSMAN AROFF MENYATAKAN BAHAWA PERDANA MENTERI TETAP AKAN BERTANDING DI KAWASAN KUPANG PASU DAN RAKYAT DI SINI TIDAK RELA DATUK MAHATHIR BERTANDING DI TEMPAT LAIN.

PERWAKILAN MEMILIH 10 ORANG ANGGOTA TERMASUK DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD DAN DATUK PADUKA HAJI OSMAN AROFF UNTUK MEWAKILI BAHAGIAN PADA MESYUARAT PERWAKILAN UMNO MALAYSIA AKAN DATANG. -- BERNAMA.ST

1718MST 01 05 86